

Pengasih gesa diklasifikasi di bawah Akta Dadah Berbahaya

Perangi daun ketum, hidu gam

1cosme 24/10/12 MSA.

KUALA LUMPUR - Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih) menggesa Peguam Negara mengkaji semula kesalahan menggunakan daun ketum yang kini mengikut Akta Racun kepada Akta Dadah Berbahaya selain mengklasifikasikan kegiatan menghidu gam sebagai kesalahan di bawah akta sama.



Presidennya, Datuk Mohd. Yunus Pathi (**gambar kecil**) berkata, langkah itu perlu untuk membanteras penyalahgunaan daun ketum yang boleh membuatkan peminumnya menjadi penagih jika mengambilnya berulang-

kali termasuk dicampur dengan minuman tertentu.

Beliau berkata, satu kajian yang dijalankan Pengasih melibatkan lebih 10,000 responden mendapati ada dalam kalangan dewasa berusia sekitar 40-an meminum air ketum dicampur dengan kopi atau minuman lain untuk meningkatkan tenaga.

"Ini bermakna ia bukan sahaja diambil oleh penagih malah menjadi amalan harian pihak lain yang boleh membawa mudarat jika diambil berulang kali secara berterusan," katanya kepada pemberita di Rumah Pengasih di

sini semalam.

Mohd. Yunus juga menyifatkan kegiatan menghidu gam sebagai masalah serius dan lebih membimbangkan kerana ia melibatkan remaja dan kanak-kanak.

"Sehingga kini, belum ada undang-undang khusus mengenai perkara ini sedangkan menghidu gam amat merbahaya kerana boleh menjejaskan otak selain mendorong kepada perbuatan jenayah dan gejala sosial," kata Mohd. Yunus.

Beliau mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula program jagaan lanjutan bagi bekas penagih dadah kerana ada aspek yang dilihat menjadi penghalang untuk golongan itu menjalani kehidupan seperti biasa. - Bernama



PENULARAN budaya menghidu gam dalam kalangan generasi muda di negara ini perlu dibanteras melalui akta yang tegas. - Gambar hiasan